

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNAAN
INTERNET DI KALANGAN KAKITANGAN KOLEJ ISLAM
ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)**

Oleh:

Nik Adlin bin Nik Mohd Adib¹

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS. Sampel kajian kakitangan KIAS yang mewakili keseluruhan populasi terlibat dalam penyelidikan ini. Data yang dikumpul dengan menggunakan instrument soal selidik dan dianalisis dengan komputer menggunakan perisian "Statistical Package of the Social Sciences" (SPSS). Analisis ini secara kaedah statistik deskriptif iaitu bentuk kekerapan dan peratusan. Hasil daripada kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan adalah agak tinggi manakala tahap kemahiran ICT amat rendah. Kakitangan KIAS mempunyai sikap yang positif dalam penggunaan internet semasa proses melakukan tugas pejabat. Hasil kajian menunjukkan kakitangan KIAS tidak mempunyai masalah serius untuk menggunakan internet dalam tugas masing-masing. Dapatan ini penting kepada pihak KIAS khususnya pihak pentadbiran KIAS sendiri dalam membuat perancangan strategik aspek pembangunan sumber manusia khususnya latihan dan aspek pembangunan prasarana KIAS termasuk kemudahan peranti komputer untuk masa akan datang.

PENGENALAN

Seorang pekerja di abad ke 21 ini amat memerlukan kemahiran yang lebih kompleks dan terperinci selain memerlukan pengetahuan asas dibidang bacaan, penulisan dan pengiraan. Kemahiran membaca, menulis serta mengira menggunakan kaedah yang lama atau tradisi

¹ Nik Adlin bin Nik Mohd Adib (M.A), Pensyarah Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

hendaklah diselaraskan dengan latihan komunikasi masa kini, termasuk dalam kemahiran mengkritik (berfikir secara kritis), kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kemudahan teknologi yang terdapat di rangkaian teknologi maklumat, sistem telekomunikasi dan pangkalan data (database) membolehkan segala maklumat terkini diperolehi dengan begitu cepat, mudah dan pantas. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada sejauh manakah kita dapat mengenal pasti maklumat tersebut dalam WWW (World Wide Web), bagaimana ia diperolehi dan bila seharusnya ia patut digunakan.

Teknologi maklumat berkembang dengan pesat dan pantas menjadikan dunia berhubung tanpa sempadan dan batasan. Ledakan informasi teknologi maklumat atau secara ringkasnya ICT (*Information Communication Technology*), membawa perubahan yang besar dalam hidup kita. Internet merupakan saluran maklumat dan komunikasi yang digunakan secara meluas tanpa mengira batasan usia, kerana internet mempunyai banyak kemudahan, informasi dan maklumat terkini yang hanya perlu diakses dengan menggunakan hujung jari tanpa mengeluarkan sebarang titik peluh. Dulu penggunaan Internet hanya bergantung pada sebuah komputer, kini Internet juga mampu diakses dengan menggunakan pelbagai versi telefon bimbit yang mempunyai perisian perkhidmatan Internet tanpa wayar (*Wireless*). Kini penggunaan Internet bukan sahaja didominasi oleh golongan dewasa dan berkerjaya, malah semua peringkat umur telah menggunakan kemudahan Internet bagi tujuan mereka sendiri. Malahan bagi sesetengah pihak, Internet merupakan satu keperluan dalam hidup mereka termasuklah golongan pelajar sekolah, mahasiswa, guru-guru, para akademik dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, perkhidmatan Internet tanpa wayar terdapat di mana-mana sahaja seperti di kafe, restoran, lapangan terbang, hotel dan pusat membeli belah memudahkan pengguna mengakses Internet. Lantaran wujudnya syarikat yang menyediakan perkhidmatan Internet tanpa wayar dan jalur lebar dengan harga yang begitu murah seperti Celcom dan Maxis yang menjadi faktor meningkatnya jumlah pelayar siber. Dari semasa ke semasa harga langganan perkhidmatan Internet tanpa wayar dan jalur lebar semakin menurun dengan kadar yang munasabah disebabkan syarikat-syarikat berkenaan bersaing untuk menarik perhatian pengguna Internet untuk melanggan. Justeru, kebanyakannya penduduk dibandar mahupun luar

bandar sudah memiliki sendiri perkhidmatan internet terutamanya jalur lebar bagi membolehkan mereka mengakses Internet di mana dan pada bila-bila masa sahaja yang mereka mahu.

Melalui kecanggihan dan kemajuan teknologi, tidak dapat dinafikan, rata-rata para cerdik pandai dan cendekiawan begitu menghargai IT dan ICT, terutamanya perkhidmatan kemudahan internet. Apa yang menjadi persoalannya, "Bagaimanakah kemudahan internet ini digunakan oleh kakitangan KIAS sebaik-baiknya".

LATAR BELAKANG MASALAH

Kemudahan internet yang banyak dan mudah didapati di mana sahaja merupakan faktor remaja dan dewasa cenderung untuk menggunakan internet dengan kerap. Ruang forum adalah satu sudut bagi remaja dan dewasa membincangkan isu dan berkongsi idea tentang sesuatu perkara. Blog dan laman web sosial yang banyak terdapat dalam Internet, memudahkan untuk mendapatkan maklumat dan bahan ilmiah. Malahan juga terdapat sebahagian remaja sekolah dan juga orang dewasa yang merupakan blogger. Justeru, dengan adanya blog dan laman web sosial, mereka akan lebih kerap mengakses internet untuk mengemaskini maklumat mereka. Maka, tidak hairanlah jika terdapat sesetengah dari kalangan kakitangan KIAS dilihat kerap mengemaskini blog atau laman sosial kerana mereka sudah terbiasa dengan amalan tersebut.

Farmville, Cafe World, Restaurant City dan Treasure Isle adalah beberapa contoh permainan atas talian yang popular dan paling digemari oleh pengguna Internet yang terdapat dalam laman web sosial seperti Facebook. Permainan ini bukan sahaja dipelopori oleh pelajar sekolah, malahan orang dewasa bekerjaya dan suri rumah juga turut bermain permainan tersebut bagi mengisi masa lapang. Permainan tersebut tiada tamatnya seperti permainan-permainan video yang lain. Malah permainan tersebut membuatkan pemain merasa ketagih dan akan terus bermain dari semasa ke semasa.

Lantaran itu, laman rangkaian sosial seperti Facebook merupakan budaya baru yang menjadi "trend" kepada pengguna Internet pada masa kini. Lebih mengejutkan budaya melayari laman rangkaian sosial bukan sahaja didominasi oleh golongan remaja, malahan golongan dewasa (bekerjaya), surirumah dan orang tua

juga turut aktif. Hal ini disebabkan melalui laman rangkaian sosial, pengguna dapat mengeratkan hubungan dengan pengguna yang lain. Malahan, kenalan lama juga dapat ditemui semula dengan adanya rangkaian sosial tersebut.

Menurut Effendi dan Matore (2010)², hal ini terbukti dalam kajian yang dikeluarkan oleh Nokia menunjukkan rakyat negara ini mempunyai rangkaian sahabat online terbesar di dunia dengan purata 233 rakan dimiliki dari pelbagai laman sosial. Kajian tersebut turut menunjukkan rakyat Malaysia gemar bersosial menerusi laman seperti Facebook dan Twitter. Malahan mereka memperuntukkan masa kira-kira sembilan jam seminggu untuk melayari laman sosial. Tidak hairanlah jika pengguna merasa seronok melayari laman rangkaian sosial disamping dapat berhibur dan merehatkan diri dari tekanan urusan kerja seharian. Namun, persoalan yang timbul, sejauh manakah kakitangan KIAS kerap melayari Internet?

Menurut Bahagian Perkhidmatan Psikologi, JPA, Rozinah Jamaluddin (2007)³, pelajar sekolah sering terlibat dalam isu ketagihan internet. Hal ini disebabkan oleh tiada disiplin diri dalam diri pelajar. Walaubagaimana pun ketagihan terhadap penggunaan Internet telah menembusi semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat usia. Melayari internet secara berlebihan menyebabkan individu sering bersendirian sepanjang masa.

Penggunaan laman web sosial juga mengurangkan interaksi secara bersemuka. Menurut Donald (1994)⁴, golongan muda tidak lagi suka berbicara secara berdepan dan menyebabkan mereka tidak sensitif dengan perasaan, tidak endah dengan reaksi rakan dan orang lain. Namun demikian ianya bercanggah dalam kajian yang dijalankan oleh Jerald (2008)⁵ mendapati, memiliki hobi dengan melayari rangkaian sosial, tidak menjadi seorang yang suka bersendirian dan individualistik. Hal ini disebabkan, individu tersebut tidak lagi mencapai tahap ketagihan.

² Mohd Effendi @ Ewan Bin Mohd Matore, (2010) Facebook : Fenomena Yang Membawa Ketagihan. Penerbit Jabatan Pengajian Tinggi.

³ Rozinah Jamaludin (2007). Internet dalam Pendidikan. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

⁴ Donald, R. (1994). Minding Your Cyber Manner on the Internet. Alpha Books

⁵ Jerald, J. B. (2008). The American Journal Of Physchiatry, Am J Psychiatry, 165: 306-307.

Selain itu, dengan wujudnya rangkaian World Wide Web, individu dan organisasi boleh memaparkan sebarang maklumat dengan senang. Namun sekiranya ia digunakan untuk tujuan yang tidak baik maka ia akan membawa pengaruh negatif terhadap kehidupan bandar. Contohnya pengeboman di Oklahoma dipercayai hasil sebaran maklumat melalui internet. (Meyer, 1999)⁶

Kes-kes sedemikian selalu berlaku di luar negara. Namun di Malaysia juga sebenarnya terdapat banyak kes akibat daripada penyalahgunaan Internet. Akhbar-akhbar harian juga pernah melaporkan beberapa kes jerat siber.

Banyak jerat siber berlaku akibat daripada penyalahgunaan Internet. Bagi pengguna yang gemar melayari Internet, dan menjadikan ia sebagai hobi untuk mengisi masa dengan cara bersembang atau *chat* di alam maya, haruslah berhati-hati. Peluang mereka terdedah dengan anasir yang tidak sihat adalah amat tinggi. Tambahan pula dengan sifat kematangan yang ada, menyebabkan mereka mula berminat untuk mencari teman melalui ruangan sembang atau *chat*.

Justeru, pengaruh kemudahan yang terdapat dalam Internet merupakan satu fenomena besar yang menjadi faktor utama ketagihan kalangan penggunanya.

Sebahagian dari mereka menggunakan internet hanya untuk hiburan dan interaksi antara satu sama lain di samping sebahagian kecil menganggap berhubung menggunakan email adalah yang terbaik, cepat dan murah. Sebenarnya melalui perkhidmatan internet juga, pengguna boleh mendapatkan bahan-bahan, artikel-artikel, gambar-gambar dan pelbagai "software" dengan mudah dari syarikat-syarikat dan individu yang tersenarai di dalam perkhidmatan internet. Selain itu, pengumpulan maklumat, fakta-fakta ilmiah dan sebagainya, sangat banyak dan luas boleh diperolehi dengan hanya "mengklik" tetikus pada setiap komputer masing-masing. Ada juga kebanyakan pengguna hanya menghabiskan masa untuk melanggan dan melayari iklan-iklan dan berita-berita bergambar yang tidak berkaitan dengan bidang tugas masing-masing yang dianggap menarik. Ini menyebabkan konsep IT

⁶ Meyer and Marilyn W. (1999). Computers In Your Future. Macmillan Computer Publishing.

sebagai ICT seringkali tidak berfungsi dengan sebaiknya disebabkan gejala-gejala demikian.

Namun hal demikian, seiring dengan perkembangan era globalisasi ini, penggunaan Internet yang terlalu kerap mampu mengubah corak dan gaya hidup seseorang termasuk golongan di sesebuah kakitangan syarikat atau jabatan. Penggunaan Internet dalam tempoh masa yang lama seperti berjam-jam, mengundang pengguna Internet merasa ketagih untuk melayari. Pengguna Internet akan merasa seronok, leka dan lalai dalam dunianya sendiri apabila duduk berjam-jam di hadapan komputer. Apabila mereka tidak dapat melayari Internet, perasaan marah atau geram akan timbul dalam diri mereka. Simptom ini akan dirasai kepada pengguna yang ketagih dengan Internet. Lebih menakutkan apabila terdapat sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menarik perhatian golongan remaja untuk melayari web porno. Sesungguhnya pengguna Internet memang teramat mudah untuk masuk ke kancah penyalahgunaan Internet terutama golongan remaja yang mudah terdedah dengan maklumat berikut. Tambahan lagi perasaan ingin tahu dan mencuba sesuatu yang baru dalam diri remaja, membuatkan diri mereka mudah dipengaruhi dan rasa didorong untuk melakukan aktiviti yang tidak sihat.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana tahap penggunaan perkhidmatan internet di kalangan kakitangan di sesebuah institusi pengajian tinggi dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan perkhidmatan tersebut. Kajian ini akan mengambil KIAS sebagai satu kes dengan objektif seperti berikut :

1. Menenal pasti tahap kepentingan internet kepada kakitangan KIAS
2. Menenal pasti tujuan-tujuan penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS
3. Menenal pasti perbezaan di antara ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT terhadap tahap kepentingan internet
4. Menenal pasti kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja berdasarkan ciri-ciri demografi

- seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT
5. Menenal pasti bilakah masa kakitangan KIAS menggunakan internet berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT
 6. Menenal pasti kekerapan bentuk laman sosial yang dimiliki oleh kakitangan KIAS berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT

PERSOALAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat beberapa aspek yang sering berlaku khususnya di kalangan kakitangan KIAS yang ada di alam maya ini. Oleh itu, penyelidik cuba mengupas dan membangkitkan persoalan-persoalan yang ada hubungkait dengan masalah ini. Secara khusus kajian ini juga untuk melihat dan menghuraikan:

1. Apakah tahap kepentingan internet kepada kakitangan KIAS?
2. Apakah tujuan penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS?
3. Adakah terdapat perbezaan di antara ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT terhadap tahap kepentingan internet?
4. Berapakah kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT?
5. Bilakah masa kakitangan KIAS menggunakan internet berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT?
6. Apakah bentuk laman sosial yang dimiliki oleh kakitangan KIAS berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT?

KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Kesignifikanan kajian ini adalah secara khususnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu implikasi dan aplikasi:

1. Implikasi

Di era kehidupan zaman yang dikenali "ICT" dan "Globalisasi" masyarakat seharusnya sentiasa menjurus dan peka dengan apa yang dikatakan "*Information Society*". Jika tidak, kelompok masyarakat itu akan dalam keadaan yang sentiasa dalam ketinggalan dan terpinggir dengan pengetahuan tersebut. Sehubungan itu, ini bermakna bukan sahaja para kakitangan KIAS perlu mengikuti perkembangan tersebut, tetapi semua generasi yang ada di alam maya ini. Selaras dengan konsep demikian internet adalah sumber penting sebagai penyalur media terkini dalam era ICT dan ianya tidak asing lagi bagi semua pengguna komputer. Namun demikian, dari sumber mana dan bagaimana ianya difungsikan oleh para pelanggannya itu bergantung kepada para pelanggan itu sendiri. Ada yang menggunakan secara positif sebagai media pengajaran dan pembelajaran, memudahkan urusan pejabat dan sebagainya. Ia juga tidak kurang yang menggunakan perkhidmatan internet secara negatif menjadikan ia kepada penyalur atau sumber keburukan.

2. Aplikasi

Melalui kajian ini nanti dapat melihat sejauh mana keberkesanan, kelemahan, kepincangan dan bagaimana untuk memperbaiki kekurangan dan kepincangan tersebut yang kemungkinan berlaku terhadap kemudahan penggunaan internet khususnya di kalangan kakitangan KIAS.

Dengan adanya kajian ini, ianya juga sedikit sebanyak diharap dapat membantu dalam menggubal dasar di kalangan pihak pentadbiran institusi KIAS terutamanya dalam menentukan penggunaan internet yang terbaik, bermanfaat dan praktikal. Keperluan ini menjadi amat penting satu hari nanti supaya institusi KIAS secara amnya yang mempunyai perkhidmatan tersebut tidak dijadikan sebagai penyalur dan penerima bahan-bahan yang berunsur negatif.

Kemahiran dan kemampuan untuk menggunakan perkhidmatan internet hendaklah diseimbangkan bersama dengan paras kemahiran

para kakitangan KIAS itu sendiri. Kakitangan KIAS hendaklah belajar dalam semua aspek kemahiran dan peraturan yang patut diketahui sebelum, semasa dan selepas melayari internet dari tidak mahir kepada yang benar-benar mahir. Dengan adanya pengguna yang sedemikian, fungsi internet yang sebenar dalam kehidupan masyarakat akan lebih bermakna dan tidak disalahgunakan.

Data responden untuk menguji hipotesis ini merangkumi beberapa bahagian. Antaranya penyelidik melihat kepada individu itu sendiri tentang kemahiran dari peringkat awal menggunakan internet dan seterusnya hinggalah kepada kemahiran dan pengalaman yang dimiliki oleh para responden itu sendiri.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab segala persoalan yang timbul dalam kajian ini, ianya bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan individu yang terlibat. Ini penting kerana hasilnya akan juga melibatkan pengguna itu sendiri yakni kakitangan KIAS yang mana kemungkinan besar belum atau tidak menyedari tentang masalah yang akan timbul atau tidak berlaku sepanjang melayari internet.

KEPENTINGAN KAJIAN

Adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi gambaran sebenar tahap pengetahuan, kebolehan dan kemahiran kakitangan KIAS dalam bidang ICT, serta sikap-sikap dan masalah yang dihadapi oleh kakitangan KIAS dalam menggunakan ICT untuk proses urusan kerja pejabat. Walaupun kajian ini terhad kepada kakitangan KIAS sahaja namun dapatan kajian ini dijangka dapat memberi petunjuk-petunjuk tentang pengetahuan dan kemahiran kakitangan KIAS dalam bidang ICT, serta sikap dan masalah-masalah yang dihadapi. Dapatan ini juga diharap dapat membantu pihak perancang utama KIAS memahami situasi yang sebenar berlaku di KIAS serta dapat menggubal situasi yang sesuai untuk meningkatkan tahap kecemerlangan KIAS ke arah yang lebih baik sesuai dengan senario KIAS ke arah Kolej Universiti.

BENTUK KAJIAN

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif. Soal selidik adalah menjadi instrumen utama dalam kajian. Melalui data yang dikembalikan dari responden yang dijadikan sampel, diharapkan membantu penyelidik bagi menentukan samada dapatan yang dikumpulkan menyokong atau menolak penyelidikan tersebut. Penyelidik merasakan ianya lebih sesuai dan kaedah soal selidik lazimnya dianggap popular dan lebih menepati kehendak dalam beberapa kaedah dalam penyelidikan. Ini disebabkan adakalanya kaedah temu bual dan lisan tidak dapat dilaksanakan dengan sebagainya dalam pengumpulan data kepada populasi sampel berbanding kaedah ini.

METODOLOGI

1. SAMPEL

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dipilih kerana pengkaji merasakan bahawa trend ketagihan penggunaan internet telah menular dikalangan para kakitangannya. Kajian ini dilakukan terhadap kakitangan KIAS di setiap unit termasuklah kakitangan pentadbiran dan pensyarah. Sebanyak 150 set borang kaji selidik diedarkan dan kesemua borang-borang tersebut dikutip kembali dalam tempoh dua hari. Skop pengagihan borang soal selidik adalah terdiri daripada 2 kategori iaitu kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik. Selain daripada itu, responden yang dipilih adalah terdiri daripada kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Di samping itu, responden yang dipilih juga terdiri daripada pelbagai latarbelakang pengajian.

2. INSTRUMEN

Tujuan utama pembentukan borang kaji selidik adalah untuk memastikan data yang dikutip dapat mencapai objektif penyelidikan kajian yang dibuat. Borang kaji selidik yang dibuat terdiri daripada 4 bahagian, iaitu bahagian 1 adalah terdiri daripada maklumat demografi responden seperti jantina, umur, status, taraf pendidikan dan kategori jawatan. Selain daripada itu juga tahap pengetahuan dan tempoh lama menggunakan internet juga ditanya pada bahagian ini. Manakala pada bahagian 2 adalah mengenai tahap kepentingan internet kepada

pengguna. Pada bahagian 3 pula adalah mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kakitangan menggunakan internet. Dan pada bahagian 4 adalah mengenai tahap penggunaan internet di kalangan kakitangan. Dalam borang soal selidik ini juga ditegaskan bahawa segala jawapan yang diberikan adalah tidak mengira samada “salah” atau “betul” supaya para responden dapat menjawab semua soalan dengan secara jujur yang berdasarkan kepada pengalaman mereka sendiri. Selain itu, pengukuran juga menggunakan skala likert iaitu sangat setuju (5), setuju (4), kurang setuju (3), tidak setuju (2) dan sangat tidak setuju (1).

3. UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Ujian kebolehpercayaan dibuat terlebih dahulu bagi mengukur kesahihan dan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Seramai 20 kakitangan KIAS, orang yang berbeza dengan sampel sebenar mengambil bahagian dalam ujian ini. Maklumat terhadap soal selidik diberikan kepada responden menyatakan keseluruhan responden memahami soalan dan menjawab dengan mudah. Borang soal selidik seterusnya dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam program SPSS untuk dibuat ujian kebolehpercayaan.

4. KAEDAH PENGUTIPAN DATA

Dalam kajian ini, data telah dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Cadangan untuk menggunakan borang kaji selidik dalam penyelidikan ini adalah kerana kaedah ini dilihat paling sesuai bagi mencapai objektif kajian dan memudahkan responden yang dipilih untuk membuat penilaian.

Setelah mendapat kebenaran pihak pengurusan kolej, borang soal selidik ini diedarkan secara langsung dan bersemuka dengan responden yang dipilih. Pengedaran borang ini dijalankan semasa waktu pejabat. Data akan dikutip selepas mereka siap membuat penilaian. Mengikut Konting (2004)⁷ cara ini dapat mengurangkan dan menghadkan dari responden tidak mengembalikan borang kaji selidik sebaik sahaja masa untuk mendapatkan responden yang secukupnya bagi memastikan data yang dianalisis lebih jitu dan tepat.

⁷ Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

5. KERANGKA DATA ANALISIS

Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik telah dikodkan. Selepas itu, data akan dimasukkan ke dalam fail data komputer. Data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS STATISTICS Version 21. Melalui perisian ini, analisis berikut akan dilakukan:

i. Analisis Kekerapan

Analisis ini adalah digunakan untuk mengira maklum balas yang diperolehi daripada para responden berdasarkan ciri-ciri demografi.

ii. Analisis Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan atau kajian rintis adalah penting untuk mengkaji kebaikan sesuatu ukuran. Kesahihan dan kebolehpercayaan adalah diperlukan untuk menilai kadar ralat dalam sesuatu pengukuran. Kajian rintis dilakukan pada awal kajian sebelum menjalankan kajian sebenar. Ia bertujuan untuk menguji tahap kebolehpercayaan item-item soal selidik. Melalui kajian rintis, kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenal pasti. Kelemahan-kelemahan yang ada meskipun kecil perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu. (Konting, 2004)⁸ Merujuk kepada Badri et al., (1995), kesahihan yang memuaskan adalah bergantung kepada betapa baiknya penyelidik menghasilkan butir ukuran untuk meliputi kandungan yang akan diuji. Alat pengukuran yang paling biasa digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan dalaman adalah Pekali α crobach. Koeffisien kebolehpercayaan yang semakin hampir nilai 1.0 adalah sangat baik. Nilai kebolehpercayaan yang kurang kepercayaan daripada 0.60 adalah dianggap sebagai nilai yang lemah, nilai yang berada dalam lingkungan 0.70 adalah nilai yang boleh diterima dan nilai yang melebihi 0.80 adalah baik (Sekaran, 2000)⁹. Responden bagi kajian rintis ini dipilih

⁸ Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

⁹ Sekaran, U. (2000). *Research Methods for Business*. New York: John Wiley & Sons, Inc.

secara rawak. Mereka terdiri daripada 20 kakitangan dan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji.

iii. Analisis data Inferensi

Analisis data infrensi digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengaruh dan perkaitan sesuatu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lainnya. Ujian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana pemboleh ubah yang diuji dapat mencapai objektif kajian serta menjawab persoalan kajian yang digambarkan melalui kerangka hipotesis. Teknik-teknik analisis yang digunakan adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual disebelah :

Bil	Hipotesia	Hipotesia
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan lelaki dan perempuan terhadap min tahap kepentingan internet	Ujian t sampel bebas
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran terhadap min tahap kepentingan internet	Ujian t sampel bebas
Ho3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan terhadap min tahap kepentingan internet	Ujian anova satu hala
Ho4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh penggunaan komputer terhadap min tahap kepentingan internet	Ujian anova satu hala

Ho5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pengetahuan ICT terhadap min tahap kepentingan internet	Ujian anova satu hala
-----	--	-----------------------

Jadual 3.4 Analisa data infrensi

HASIL ANALISIS KAJIAN

1. ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN DATA

Analisis kebolehpercayaan data digunakan untuk menguji tahap kebolehpercayaan data yang diterima. Secara umumnya, kebolehpercayaan merupakan ukuran keupayaan sesuatu instrumen kajian dalam mengukur permasalahan atau pembolehubah kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan. Nilai pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach selalunya digunakan dalam pengujian kebolehpercayaan bagi pengukuran kajian. Nilai maksimum bagi pekali kebolehpercayaan ialah 1. Sekiranya nilai pekali tersebut kurang daripada 0.7, maka item-item yang digunakan didalam kajian bolehlah dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah (Nunnally, 1978)¹⁰.

Manakala menurut Chua (2006)¹¹, dalam statistik kebolehpercayaan instrumen kajian yang menggunakan pekali alfa Cronbach, nilai 0.65 hingga 0.95 dianggap memuaskan kerana nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian adalah rendah manakala nilai alfa yang terlalu tinggi pula menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain. Selain itu, item-item yang mempunyai nilai korelasi yang tinggi mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, manakala item-item yang mempunyai nilai korelasi yang rendah mempunyai kebolehpercayaan yang rendah dan perlu disingkirkan daripada ujian tersebut.

¹⁰ Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd Ed.). New York: Mc Graw Hill

¹¹ Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan* Buku 2. Mc Graw Hill

Daripada hasil kajian rintis, didapati nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap bahagian adalah memuaskan. Nilai-nilai tersebut adalah seperti dalam Jadual 4.0. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa nilai bagi setiap bahagian yang terdapat dalam instrumen kajian boleh dipercayai. Oleh yang demikian, kajian ini diteruskan kepada kajian sebenar dan hasil analisis kebolehpercayaan data ditunjukkan dalam Jadual 4.0.

Jadual 4.0 Nilai alfa cronbach bagi setiap bahagian

Bahagian	Nilai Alfa Cronbach Bagi Kajian Rintis	Nilai Alfa Cronbach Bagi Kajian Sebenar
Tahap Kepentingan Internet	0.737	0.867
Tujuan Penggunaan Internet	0.920	0.870

2. ANALISIS DESKRIPTIF BAGI DEMOGRAFI RESPONDEN

Analisis deskriptif merupakan analisis yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel dalam populasi secara terus. Analisis ini dilakukan bagi menganalisis data taburan demografi responden. Kajian ini mengambil seramai 138 orang responden yang terdiri daripada kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran dari pelbagai ciri demografi. Terdapat 8 ciri demografi yang diambil kira dalam soal selidik ini iaitu umur, jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, kawasan kediaman, taraf perkahwinan, tempoh penggunaan komputer dan tahap pengetahuan ICT.

i. Umur

Daripada 138 orang responden, majoriti responden berumur diantara 30 hingga 39 tahun iaitu seramai 52 orang. Seramai 38 orang responden berumur di antara 20 hingga 29 tahun dan diikuti responden berumur 40 hingga 49 tahun iaitu seramai 30 orang. Selain itu, terdapat 18 orang responden yang berumur 50 tahun dan ke atas (rujuk Jadual 4.1).

Jadual 4.1 Bilangan responden mengikut umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
20-29	38	27.5
30-39	52	37.7
40-49	30	21.7
50 ke atas	18	13.0

ii. Jantina

Berdasarkan jumlah responden, kakitangan lelaki lebih ramai berbanding kakitangan perempuan iaitu seramai 82 orang (59.4%) manakala kakitangan perempuan adalah seramai 56 orang (40.6%).

Jadual 4.2 Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	82	59.4
Perempuan	56	40.6

iii. Kategori Jawatan

Berdasarkan Jadual 4.3, terdapat 10 kategori jawatan responden bagi kajian ini. Bilangan responden mengikut kategori jawatan tersebut adalah 3 orang dari pengurusan tertinggi, 5 orang ketua jabatan, 4 orang pensyarah kanan, 60 orang pensyarah, seorang penolong pendaftar kanan, seorang penolong pendaftar, 3 orang pegawai eksekutif kanan, 17 orang pegawai eksekutif, 8 orang pembantu tadbir kanan dan 36 orang pembantu tadbir. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, terdapat 64 orang responden adalah kakitangan akademik manakala 74 orang responden adalah kakitangan pentadbiran (rujuk Jadual 4.4).

Jadual 4.3 Bilangan responden mengikut setiap kategori jawatan

Kategori Jawatan	Kekerapan	Peratus (%)
Pengurusan Tertinggi	3	2.2
Ketua Jabatan	5	3.6
Pensyarah Kanan	4	2.9

Pensyarah	60	43.5
Penolong Pendaftar		
Kanan	1	0.7
Penolong Pendaftar	1	0.7
Pegawai Eksekutif		
Kanan	3	2.2
Pegawai Eksekutif	17	12.3
Pembantu Tadbir		
Kanan	8	5.8
Pembantu Tadbir	36	26.1

Jadual 4.4 Bilangan responden mengikut kategori akademik dan pentadbiran

Kategori Jawatan	Kekerapan	Peratus (%)
Akademik	64	46.4
Pentadbiran	74	53.6

iv. Tahap Pendidikan

Bagi tahap pendidikan responden, terdapat 6 orang responden mempunyai PHD, 36 orang responden mempunyai sarjana, 59 orang responden mempunyai ijazah, 26 orang responden mempunyai Diploma atau STPM dan selebihnya mempunyai SPM dan sijil dengan masing-masing 10 orang dan seorang (rujuk Jadual 4.5).

Jadual 4.5 Bilangan responden mengikut tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
PHD	6	4.3
Sarjana	36	26.1
Ijazah	59	42.8
Diploma/STPM	26	18.8
SPM	10	7.2
Sijil	1	0.7

v. Kawasan Kediaman

Berdasarkan Jadual 4.6, terdapat dua kawasan kediaman responden iaitu bandar dan luar bandar. Dari kawasan bandar, terdapat 75 orang responden manakala dari kawasan luar bandar adalah seramai 63 orang responden.

Jadual 4.6 Bilangan responden mengikut kawasan kediaman

Kawasan Kediaman	Kekerapan	Peratus (%)
Luar Bandar	75	54.3
Bandar	63	45.7

vi. Taraf Perkahwinan

Selain itu, kajian ini juga mempunyai maklumat berkenaan dengan taraf perkahwinan responden. Terdapat 3 taraf perkahwinan yang terlibat iaitu bujang seramai 13 orang (9.4%), berkahwin seramai 123 orang (89.1%) dan ibu tunggal seramai 2 orang (1.4%).

Jadual 4.7 Bilangan responden mengikut taraf perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Kekerapan	Peratus (%)
Bujang	13	9.4
Berkahwin	123	89.1
Ibu Tunggal	2	1.4

vii. Tempoh Penggunaan Komputer

Bagi bilangan responden mengikut tempoh penggunaan komputer, majoriti responden menggunakan komputer lebih dari 5 tahun iaitu seramai 118 orang. Bagi tempoh penggunaan komputer 1-5 tahun, sebanyak 18 orang responden dan selebihnya menggunakan komputer kurang setahun iaitu dua orang (rujuk Jadual 4.8).

Jadual 4.8 Bilangan responden mengikut tempoh penggunaan komputer

Tempoh Penggunaan Komputer	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 1 tahun	2	1.4
1-5 tahun	18	13.0
Lebih 5 tahun	118	85.5

viii. Tahap Pengetahuan ICT

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat penggunaan internet dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam kalangan kakitangan KIAS. Oleh itu tahap pengetahuan ICT bagi setiap responden adalah diperlukan. Jadual 4.9 menunjukkan bilangan

responden mengikut tahap pengetahuan ICT yang terdiri dari 3 tahap iaitu asas, pertengahan dan mahir. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap pengetahuan ICT pertengahan iaitu seramai 79 orang diikuti pengetahuan ICT asas 36 orang dan mahir dalam ICT sebanyak 23 orang.

Jadual 4.9 Bilangan responden mengikut tahap pengetahuan ICT

Tahap Pengetahuan ICT	Kekerapan	Peratus (%)
Asas	36	26.1
Pertengahan	79	57.2
Mahir	23	16.7

3. ANALISIS TAHAP KEPENTINGAN INTERNET

Terdapat 7 soalan berkenaan dengan tahap kepentingan internet bagi kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa min keseluruhan ($n=138$) bagi tahap kepentingan internet adalah 4.00 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.629. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa responden bersetuju terhadap kepentingan internet. Jadual 4.10 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap soalan dalam bahagian tahap kepentingan internet.

Jadual 4.10 Nilai min dan sisihan piawai bagi tahap kepentingan internet

Bil	Soalan	Min	Sisihan Piawai
1	Kemudahan internet sangat penting dalam melancarkan kerja harian saya di pejabat	4.41	0.751
2	Saya merasakan tidak lengkap apabila saya melakukan kerja tanpa kemudahan internet	4.10	0.813
3	Dalam sehari saya akan membuka internet untuk mengetahui isu semasa	4.21	0.759
4	Perkara pertama yang akan saya lakukan apabila membuka komputer ialah membuka internet	3.49	1.160
5	Hampir kesemua tugas saya di pejabat memerlukan internet untuk dilaksanakan	3.44	0.974
6	Saya dapat menghasilkan produktiviti kerja yang tinggi dengan menggunakan kemudahan internet	3.92	0.936
7	Pada pendapat saya kemudahan internet adalah kemudahan asas pada masa kini	4.43	0.616

4. ANALISIS TUJUAN-TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET

Terdapat 20 soalan berkenaan tujuan-tujuan penggunaan internet. Daripada hasil kajian, didapati terdapat 3 tujuan yang mempunyai nilai min tertinggi yang boleh dikategorikan sebagai tujuan positif. Antara tujuan-tujuan tersebut adalah penggunaan internet bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa (min=4.31), menghantar email (min=4.29) dan melancarkan tugas di pejabat (min=4.28). Manakala terdapat 3 tujuanyang mempunyai nilai min terendah dimana ianya boleh dikategorikan sebagai tujuan negatif. Antara tujuan-tujuan tersebut adalah bermain games secara online (min=1.64), meluahkan perasaan di laman sosial (min=1.99) dan juga menonton TV dan mendengar radio secara online (min=2.12). Jadual 4.11 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap soalan dalam bahagian tujuan-tujuan penggunaan internet.

Jadual 4.11 Nilai min dan sisihan piawai bagi tujuan-tujuan penggunaan internet

Bil	Saya menggunakan internet untuk:	Min	Sisihan Piawai
1	Menonton TV dan mendengar radio secara online	2.12	1.007
2	Mengetahui maklumat mengenai rakan-rakan dan kenalan di laman sosial	3.34	1.000
3	Mengemas kini maklumat tentang diri saya di laman sosial	2.82	1.041
4	Memuat turun/naik gambar di laman sosial	2.27	1.091
5	Memuat turun/naik video di laman sosial	2.14	1.041
6	Mendapatkan maklumat dan berkongsi maklumat melalui laman sosial	3.59	0.987
7	Meluahkan perasaan di laman sosial	1.99	1.022
8	Berkomunikasi dengan rakan-rakan dan kenalan	3.47	0.976


9	Bermain games secara online	1.64	1.010
10	Membuat pembelian secara online	2.96	1.213
11	Mengemas kini blog milik saya	2.24	1.276
12	Mengambil bahagian dalam forum atau blog	2.68	1.318
13	Menghantar email	4.29	0.630
14	Menggunakan kemudahan perbankan internet	3.89	0.987
15	Melancarkan tugas di pejabat	4.28	0.723
16	Mengikuti akhbar-akhbar online dan mengetahui perlembangan semasa	4.22	0.792
17	Mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa	4.31	0.614
18	Mencari bahan untuk dijadikan sebagai rujukan mengajar (bagi pensyarah)	3.75	1.454
19	Mencari meklumat berkaita dengan tips rumah tangga, kesihatan dan kehidupan harian	4.00	0.828
20	Meluahkan pandangan saya mengenai topik-topik yang saya anggap penting untuk di kongsi dan di bincangkan	3.51	1.048

5. ANALISIS TAHAP PENGGUNAAN INTERNET

- i. Adakah anda disediakan dengan kemudahan capaian internet

Berdasarkan Rajah 4.1, didapati majoriti responden telah disediakan kemudahan capaian internet dengan nilai peratusnya sebanyak 91% manakala selebihnya tidak disediakan kemudahan internet iaitu sebanyak 9%.


Rajah 4.1 Kemudahan capaian internet



ii. Pernahkah anda membuat capaian internet

Berdasarkan Rajah 4.2, hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 81 orang responden hanya kadang-kadang membuat capaian internet, 46 orang responden kerap membuat capaian internet dan selebihnya iaitu 11 orang responden tidak pernah membuat capaian internet.

Rajah 4.2 Pernahkah anda membuat capaian internet



iii. Pernahkah anda menggunakan Laman Web Sosial

Rajah 4.3 menunjukkan bahawa sebanyak 89% responden pernah menggunakan laman web sosial manakala sebanyak 11% responden tidak pernah menggunakan laman web sosial.


Rajah 4.3 Pernahkah anda menggunakan laman web sosial



iv. Adakah Laman Web Sosial membantu tugas harian anda

Rajah 4.4 pula menunjukkan bahawa adakah laman web sosial membantu tugas harian. Hasil kajian mendapati sebanyak 88 orang responden bersetuju bahawa laman web sosial dapat membantu tugas harian mereka manakala 50 orang responden tidak bersetuju bahawa laman web sosial dapat membantu tugas harian mereka.

Rajah 4.4 Adakah laman web sosial membantu tugas harian anda



v. Tahap kelajuan capaian internet

Bagi tahap kelajuan capaian internet, majoriti responden memberi penilaian pada tahap sederhana iaitu sebanyak 39.9%, diikuti 23.9% pada tahap memuaskan. Namun begitu, 21.7% responden menyatakan tidak memuaskan, 8.7% responden sangat tidak memuaskan. Selain itu, ada juga responden menjawab tahap kelajuan capaian internet adalah sangat memuaskan iaitu sebanyak 4.3% manakala ada juga responden yang tidak menggunakan internet iaitu sebanyak 1.4% (rujuk Jadual 4.12).

Jadual 4.12 Bilangan responden dan peratus tahap kelajuan capaian internet

Tahap Kelajuan Capaian Internet	Kekerapan	Peratus (%)
Sangat Memuaskan	6	4.3
Memuaskan	33	23.9
Sederhana	55	39.9
Tidak Memuaskan	30	21.7
Sangat Tidak Memuaskan	12	8.7
Tidak Menggunakan Internet	2	1.4

vi. Tahap keselamatan capaian internet

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 48.6% responden menyatakan tahap keselamatan capaian internet berada pada tahap sederhana, 21.7% responden menyatakan tahap keselamatan capaian internet berada pada tahap tidak memuaskan, 16.7% responden menyatakan tahap keselamatan capaian internet berada pada tahap memuaskan, 9.4% responden menyatakan tahap keselamatan capaian internet berada pada tahap sangat tidak memuaskan, 2.2% responden menyatakan tahap keselamatan capaian internet berada pada tahap sangat memuaskan dan sebanyak 1.4% responden yang tidak menyatakan tahap keselamatan capaian internet kerana mereka tidak menggunakan internet (rujuk Jadual 4.13).

Jadual 4.13 Bilangan responden dan peratus tahap keselamatan capaian internet

Tahap Keselamatan Capaian Internet	Kekerapan	Peratus (%)
Sangat Memuaskan	3	2.2
Memuaskan	23	16.7
Sederhana	67	48.6
Tidak Memuaskan	30	21.7
Sangat Tidak Memuaskan	13	9.4
Tidak Menggunakan Internet	2	1.4

6. UJIAN CROSSTABS (TUJUAN-TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET)

Berdasarkan analisis pada bahagian tujuan-tujuan penggunaan internet, hasil ujian menunjukkan responden bersetuju bahawa tujuan penggunaan internet ialah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa dengan nilai min 4.31. Manakala responden tidak setuju bahawa penggunaan internet untuk bermain games secara online dengan nilai min 1.64. Kajian diteruskan lagi dengan membuat analisis crosstab bagi menunjukkan bilangan responden secara terperinci bagi ciri demografi terhadap tujuan penggunaan tersebut. Ciri demografi yang ditekankan adalah seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer dan tahap pengetahuan ICT.

Hasil dapatan yang ditunjukkan didalam Jadual 4.14 menunjukkan bahawa 79 orang (57.2%) daripada jumlah keseluruhan responden iaitu 138 orang menyatakan mereka bersetuju dengan tujuan penggunaan internet adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa. Daripada 79 orang responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai bersetuju terhadap tujuan tersebut iaitu sebanyak 45 orang (32.6%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 34 orang (24.6%).

Bagi kategori jawatan pula, sebanyak 46 orang (33.3%) responden adalah kakitangan pentadbiran yang bersetuju terhadap tujuan tersebut melebihi kakitangan akademik iaitu sebanyak 33 orang (23.9%). Seterusnya bagi tahap pendidikan, majoriti responden yang mempunyai ijazah menyatakan bahawa mereka bersetuju terhadap tujuan tersebut iaitu sebanyak 40 orang (28.9%) berbanding responden yang mempunyai PHD (2.9%), sarjana (11.6%), diploma/STPM (9.4%), SPM (3.6%) dan sijil (0.7%). Selain itu, responden yang paling ramai bersetuju terhadap tujuan tersebut terdiri daripada responden yang menggunakan komputer lebih daripada lima tahun (47.8%) dan mempunyai tahap pengetahuan ICT pada tahap pertengahan (34.8%).

Jadual 4.14 Analisis crosstabs antara ciri demografi dengan faktor penggunaan internet yang mempunyai nilai min tertinggi

Ciri Demografi		Saya menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa					Jumlah
		*STS	*TS	*KS	*S	*SS	
Jantina	Lelaki	0	1	4	45	32	82
	Perempuan	0	1	1	34	20	56
	Jumlah	0	2	5	79	52	138
Kategori Jawatan	Akademik	0	1	2	33	28	64

	Pentadbiran	0	1	3	46	24	74
	Jumlah	0	2	5	79	52	138
Tahap Pendidikan	PHD	0	0	0	4	2	6
	Sarjana	0	0	1	16	19	36
	Ijazah	0	1	1	40	17	59
	Diploma/STPM	0	0	1	13	12	26
	SPM	0	1	2	5	2	10
	Sijil	0	0	0	1	0	1
	Jumlah	0	2	5	79	52	138
Tempoh Penggunaan Komputer	Lurang 1 Tahun	0	1	1	0	0	2
	1-5 tahun	0	1	1	13	0	18
	Lebih 5 tahun	0	0	3	66	49	118
	Jumlah	0	2	5	79	52	138
Tahap Pengetahuan ICT	Asas	0	2	1	20	13	36
	Pertengahan	0	0	4	48	27	79
	Mahir	0	0	0	11	12	23
	Jumlah	0	2	5	79	52	138

*(Sangat Tidak Setuju, STS), (Tidak Setuju, TS), (Kurang Setuju, KS), (Setuju, S), (Sangat Setuju, SS)

Bagi tujuan bermain games secara online yang mempunyai nilai min paling rendah, hasil dapatan yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.15 menunjukkan bahawa 91 orang (65.9%) daripada jumlah keseluruhan responden iaitu 138 orang menyatakan mereka sangat tidak setuju dengan tujuan penggunaan internet adalah untuk bermain games secara online. Daripada 91 orang responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai sangat tidak setuju terhadap tujuan tersebut iaitu sebanyak 56 orang (40.6%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 35 orang (25.4%).

Bagi kategori jawatan pula, sebanyak 46 orang (33.3%) responden adalah kakitangan pentadbiran yang sangat tidak setuju terhadap tujuan tersebut melebihi kakitangan akademik iaitu sebanyak 45 orang (32.6%). Seterusnya bagi tahap pendidikan, majoriti responden yang mempunyai ijazah menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju terhadap tujuan

tersebut iaitu sebanyak 40 orang (28.9%) berbanding responden yang mempunyai PHD (3.6%), sarjana (17.4%), diploma/STPM (11.6%) dan SPM (4.3%). Selain itu, responden yang paling ramai sangat tidak setuju terhadap tujuan tersebut terdiri daripada responden yang menggunakan komputer lebih daripada lima tahun (57.2%) dan mempunyai tahap pengetahuan ICT pada tahap pertengahan (35.5%).

Jadual 4.15 Analisis crosstabs antara ciri demografi dengan faktor penggunaan internet yang mempunyai nilai min terendah

Ciri Demografi		Saya menggunakan internet untuk bermain games secara online					Jumlah
		*STS	*TS	*KS	*S	*SS	
Jantina	Lelaki	56	9	13	2	2	82
	Perempuan	35	7	11	2	1	56
	Jumlah	91	16	24	4	3	138
Kategori Jawatan	Akademik	45	7	9	2	1	64
	Pentadbiran	46	9	15	2	2	74
	Jumlah	91	16	24	4	3	138
Tahap Pendidikan	PHD	5	0	0	1	0	6
	Sarjana	24	4	6	0	2	36
	Ijazah	40	8	9	1	1	59
	Diploma/STPM	16	3	6	1	0	26
	SPM	6	1	2	1	0	10
	Sijil	0	0	1	0	0	1
	Jumlah	91	16	24	4	4	138
Tempoh Penggunaan Komputer	Kurang 1 tahun	1	1	0	0	0	2
	1-5 tahun	11	4	2	1	1	18
	Lebih 5 tahun	79	11	22	3	3	118
	Jumlah	91	16	24	4	4	138
Tahap Pengetahuan ICT	Asas	31	2	3	0	0	36
	Pertengahan	49	10	15	4	4	79
	Mahir	11	4	6	0	0	23
	Jumlah	91	16	24	4	4	138

*(Sangat Tidak Setuju, STS), (Tidak Setuju, TS), (Kurang Setuju, KS), (Setuju, S), (Sangat Setuju, SS)

ANALISIS BERASASKAN OBJEKTIF KAJIAN

Objektif 1: Mengenal pasti tahap kepentingan internet kepada kakitangan KIAS.

Hasil kajian mendapati bahawa min keseluruhan ($n=138$) bagi tahap kepentingan internet adalah 4.00 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.629. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa responden bersetuju terhadap kepentingan internet.

Objektif 2: Mengenal pasti tujuan-tujuan penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS.

Daripada hasil kajian, didapati terdapat 3 tujuan yang mempunyai nilai min tertinggi yang boleh dikategorikan sebagai tujuan positif. Antara tujuan-tujuan tersebut adalah penggunaan internet bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa ($\text{min}=4.31$), menghantar email ($\text{min}=4.29$) dan melancarkan tugas di pejabat ($\text{min}=4.28$). Manakala terdapat 3 tujuan yang mempunyai nilai min terendah dimana ianya boleh dikategorikan sebagai tujuan negatif. Antara tujuan-tujuan tersebut adalah bermain games secara online ($\text{min}=1.64$), meluahkan perasaan di laman sosial ($\text{min}=1.99$) dan juga menonton TV dan mendengar radio secara online ($\text{min}=2.12$).

Objektif 3: Mengenal pasti perbezaan di antara ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT terhadap tahap kepentingan internet.

Ujian Hipotesis (Jantina)

H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan lelaki dan perempuan terhadap min tahap kepentingan internet

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan lelaki dan perempuan terhadap min tahap kepentingan internet

Ujian-t sampel bebas dijalankan untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara kakitangan lelaki dan perempuan terhadap min tahap kepentingan internet. Jadual 4.16 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan

lelaki dan perempuan dari segi kepentingan internet di mana nilai $p=0.146 > \alpha=0.05$. Justeru itu, hipotesis H1 ditolak.

Jadual 4.16 Hasil ujian-*t* bagi jantina terhadap min tahap kepentingan internet

Jantina	Bilangan Responden	Nilai Min	Nilai- <i>p</i>
Lelaki	82	3.935	0.146
Perempuan	56	4.094	

*signifikan bagi nilai- $p < 0.05$

Ujian Hipotesis (Kategori Jawatan)

H_2 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran terhadap min tahap kepentingan internet

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran terhadap min tahap kepentingan internet

Ujian-*t* sampel bebas dijalankan untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran terhadap min tahap kepentingan internet. Jadual 4.17 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran dari segi kepentingan internet di mana nilai $p=0.022 < \alpha=0.05$. Justeru itu, hipotesis H_2 gagal ditolak.

Jadual 4.17 Hasil ujian-*t* bagi kategori jawatan terhadap min tahap kepentingan internet

Kategori Jawatan	Bilangan Responden	Nilai Min	Nilai- <i>p</i>
Akademik	64	4.131	0.022*
Pentadbiran	74	3.886	

*signifikan bagi nilai- $p < 0.05$

Ujian Hipotesis (Tahap Pendidikan)

H_3 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan terhadap min tahap kepentingan internet

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan terhadap min tahap kepentingan internet

Jadual 4.18 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan terhadap kepentingan internet di mana nilai $p=0.015 < \alpha=0.05$. Oleh itu, hipotesis H_3 gagal ditolak.

Jadual 4.18 Ujian ANOVA sehala bagi tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan Responden	Nilai Min	Nilai-p
PHD	6	3.976	0.015*
Sarjana	36	4.285	
Ijazah	59	3.970	
Diploma/STPM	26	3.846	
SPM	10	3.571	
Sijil	1	3.857	

*signifikan bagi nilai- $p < 0.05$

Ujian Hipotesis (Tempoh Penggunaan Komputer)

H_4 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh penggunaan komputer terhadap min tahap kepentingan internet

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh penggunaan komputer terhadap min tahap kepentingan internet

Jadual 4.19 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tempoh penggunaan komputer terhadap kepentingan internet di mana nilai $p=0.006 < \alpha=0.05$. Oleh itu, hipotesis H_4 gagal ditolak.

Jadual 4.19 Ujian ANOVA sehala bagi tempoh penggunaan komputer

Tempoh	Bilangan Responden	Nilai Min	Nilai-p
Kurang 1 tahun	2	2.857	0.006*
1 – 5 tahun	18	3.761	
Lebih 5 tahun	118	4.055	

*signifikan bagi nilai- $p < 0.05$

Ujian Hipotesis (Tahap Pengetahuan ICT)

H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pengetahuan ICT terhadap min tahap kepentingan internet

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pengetahuan ICT terhadap min tahap kepentingan internet

Jadual 4.20 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan ICT terhadap kepentingan internet di mana nilai $p=0.082 > \alpha=0.05$. Oleh itu, hipotesis H_1 ditolak.

Jadual 4.20 Ujian ANOVA sehalu bagi tahap pengetahuan ICT


Tahap	Bilangan Responden	Nilai Min	Nilai-p
Asas	36	3.869	0.082
Pertengahan	79	3.989	
Mahir	23	4.242	

*signifikan bagi nilai- $p < 0.05$

Objektif 4: Mengenal pasti kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT.

Rajah 4.5 menunjukkan kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja. Berdasarkan rajah tersebut, kekerapan masa yang digunakan oleh responden kajian majoriti menggunakan internet antara satu hingga tiga jam iaitu sebanyak 66 orang (47.8%) daripada keseluruhan responden. Sebanyak 39 orang menggunakan internet kurang dari satu jam, 20 orang menggunakan internet tiga hingga lima jam, 11 orang menggunakan internet lebih dari lima jam. Namun begitu, terdapat dua orang responden tidak menggunakan internet.

Rajah 4.5 Kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja



Berdasarkan Rajah 4.5, hasil kajian menunjukkan responden paling kerap menggunakan internet antara satu hingga tiga jam. Kajian diteruskan lagi dengan membuat analisis crosstabs bagi menunjukkan bilangan responden secara terperinci bagi ciri demografi terhadap kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja. Ciri demografi yang ditekankan adalah seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer dan tahap pengetahuan ICT sekaligus menjawab objektif 4.

Hasil dapatan yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.21 menunjukkan bahawa 66 orang (47.8%) daripada jumlah keseluruhan responden menggunakan internet satu hingga tiga jam. Daripada 66 orang responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai menggunakan satu hingga tiga jam iaitu sebanyak 36 orang (26.1%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 30 orang (21.7%).

Bagi kategori jawatan pula, sebanyak 36 orang (26.1%) responden adalah kakitangan akademik yang menggunakan internet satu hingga tiga jam melebihi kakitangan pentadbiran iaitu sebanyak 30 orang (21.7%). Selain itu, bagi tahap pendidikan pula, responden yang mempunyai ijazah paling ramai menggunakan internet satu hingga

tiga jam iaitu sebanyak 29 orang (21.0%) berbanding responden yang mempunyai PHD (0.7%), sarjana (13.0%), diploma/STPM (9.4%) dan SPM (3.6%). Bagi tempoh penggunaan komputer, sebanyak 39.9% menggunakan internet satu hingga tiga jam terdiri daripada responden yang telah menggunakan komputer selama lebih dari lima tahun berbanding kurang setahun dan satu hingga lima tahun. Selain itu juga, tahap pengetahuan ICT pada tahap sederhana telah menggunakan internet satu hingga tiga jam sehari sepanjang waktu bekerja iaitu sebanyak 27.5%.

Jadual 4.21 Analisis crosstabs antara ciri demografi dengan kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja

Ciri Demografi		Kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja					Jumlah
		< 1 jam	1 - 3 jam	3 - 5 jam	> 5 jam	Tiada	
Jantina	Lelaki	24	36	16	4	2	82
	Perempuan	54	30	4	7	0	56
	Jumlah	39	66	20	11	2	138
Kategori Jawatan	Akademik	14	36	10	4	0	64
	Pentadbiran	25	30	10	7	2	74
	Jumlah	39	66	20	11	2	138
Tahap Pendidikan	PHD	5	1	0	0	0	6
	Sarjana	4	18	8	5	1	36
	Ijazah	19	29	7	4	0	59
	Diploma/STPM	6	13	5	2	0	26
	SPM	4	5	0	0	1	10
	Sijil	1	0	0	0	0	1
	Jumlah	39	66	20	11	2	138
Tempoh Penggunaan Komputer	Kurang 1 tahun	0	1	0	0	1	2
	1-5 tahun	4	10	2	2	0	18
	Lebih 5 tahun	35	55	18	9	1	118
	Jumlah	39	66	20	11	2	138
Tahap Pengetahuan ICT	Asas	11	17	6	0	2	36
	Pertengahan	26	38	9	6	0	79
	Mahir	2	11	5	5	0	23
	Jumlah	39	66	20	11	2	138

Objektif 5: Menenal pasti bilakah masa kakitangan KIAS menggunakan internet berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT.

Berdasarkan Rajah 4.6, sebanyak 32 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi diikuti 24 orang responden menggunakan internet pada waktu tengah hari dan 24 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi, tengah hari dan petang. Selain itu, 20 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi dan tengah hari, 17 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi dan petang, 12 orang responden menggunakan internet pada waktu petang, 5 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi dan petang dan ada juga terdapat 4 orang responden tidak menggunakan internet pada waktu bekerja.

Rajah 4.6 Bilakah masa menggunakan internet



Berdasarkan Rajah 4.6, hasil kajian menunjukkan responden paling ramai menggunakan internet pada waktu pagi. Kajian diteruskan lagi dengan membuat analisis crosstabs bagi menunjukkan bilangan responden secara terperinci bagi ciri demografi terhadap masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja. Ciri demografi yang ditekankan adalah seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer dan tahap pengetahuan ICT sekaligus menjawab objektif 5.

Hasil dapatan yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.22 menunjukkan bahawa 32 orang (23.2%) daripada jumlah keseluruhan responden menggunakan internet pada waktu pagi. Daripada 32 orang responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai

menggunakan internet pada waktu pagi iaitu sebanyak 19 orang (13.8%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 13 orang (9.4%).

Bagi kategori jawatan pula, sebanyak 21 orang (15.2%) responden adalah kakitangan akademik yang menggunakan internet pada waktu pagi melebihi kakitangan pentadbiran iaitu sebanyak 11 orang (8.0%). Selain itu, bagi tahap pendidikan pula, responden yang mempunyai ijazah paling ramai menggunakan internet pada waktu pagi iaitu sebanyak 29 orang daripada 32 orang berbanding responden yang mempunyai PHD (0.7%), sarjana (8.0%), diploma/STPM (3.6%), SPM (1.4%) dan sijil (0.7%). Bagi tempoh penggunaan komputer, sebanyak 19.6% menggunakan internet pada waktu pagi terdiri daripada responden yang telah menggunakan komputer selama lebih dari lima tahun berbanding kurang setahun dan satu hingga lima tahun. Selain itu juga, tahap pengetahuan ICT pada tahap sederhana telah menggunakan internet pada waktu pagi sepanjang waktu bekerja iaitu sebanyak 11.6%.

Jadual 4.22 Analisis crosstabs antara ciri demografi dengan masa menggunakan internet

Ciri Demografi		* Masa menggunakan internet								Jumlah
		1	2	3	4	5	6	7	8	
Jantina	Lelaki	19	14	8	13	13	1	11	3	82
	Perempuan	13	10	4	11	7	4	6	1	56
	Jumlah	32	24	12	24	20	5	17	4	138
Kategori Jawatan	Akademik	21	8	4	10	11	2	6	2	64
	Pentadbiran	11	16	8	14	9	3	11	2	74
	Jumlah	32	24	12	24	20	5	17	4	138
Tahap Pendidikan	PHD	1	0	1	0	1	0	1	2	6
	Sarjana	11	2	3	10	3	2	4	1	36
	Ijazah	12	14	5	9	12	0	7	0	59
	Diploma/STPM	5	6	2	4	3	1	5	0	26
	SPM	2	2	1	1	1	2	0	1	10
	Sijil	1	0	0	0	0	0	0	0	1
	Jumlah	32	24	12	24	20	5	17	4	138


Tempoh	Kurang 1 tahun	0	0	0	0	0	1	0	1	2
Penggunaan	1-5 tahun	5	4	1	4	1	1	2	0	18
Komputer	Lebih 5 tahun	27	20	11	20	19	3	15	3	118
	Jumlah	32	24	12	24	20	5	17	4	138
Tahap	Asas	9	5	2	3	7	2	6	2	36
Pengetahuan	Pertengahan	16	17	10	13	12	3	7	1	79
ICT	Mahir	7	2	0	8	1	0	0	0	1
	Jumlah	32	24	12	24	20	5	17	4	138

*Masa menggunakan internet- (1: pagi), (2: tengah hari), (3: petang), (4: pagi, tengah hari, petang), (5: pagi & tengah hari), (6: tengah hari & petang), (7: pagi & petang), (8: tiada)

Objektif 6: Mengenal pasti kekerapan bentuk laman sosial yang dimiliki oleh kakitangan KIAS berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT.

Rajah 4.7 menunjukkan peratus bentuk laman web sosial yang dimiliki oleh kakitangan KIAS. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 51.4 peratus kakitangan KIAS memiliki laman web sosial lebih daripada satu laman web. Antara laman web yang paling banyak dimiliki adalah facebook iaitu sebanyak 32.6%. Selain itu, terdapat 3.6% responden memiliki laman web yahoo messenger, 2.2% memiliki blog, dan 0.7% memiliki laman web skype. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak memiliki laman web sosial iaitu sebanyak 9.4%.

Rajah 4.7 Peratus responden memiliki laman web sosial



Berdasarkan Rajah 4.7, hasil kajian menunjukkan responden paling ramai memiliki laman web sosial lebih dari satu laman web. Kajian diteruskan lagi dengan membuat analisis crosstabs bagi menunjukkan bilangan responden secara terperinci bagi ciri demografi terhadap laman web sosial yang dimiliki. Ciri demografi yang ditekankan adalah seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer dan tahap pengetahuan ICT sekaligus menjawab objektif 6.

Hasil dapatan yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.23 menunjukkan bahawa 71 orang (51.4%) daripada jumlah keseluruhan responden memiliki laman web sosial lebih dari satu laman web. Daripada 71 orang responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai memiliki laman web sosial lebih dari satu iaitu sebanyak 39 orang (28.3%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 32 orang (23.2%).

Bagi kategori jawatan pula, tidak banyak perbezaan antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran yang memiliki laman web sosial lebih dari satu iaitu masing-masing sebanyak 35 orang (25.4%) dan 36 orang (26.0%). Seterusnya bagi tahap pendidikan, majoriti responden yang mempunyai ijazah memiliki laman web sosial lebih dari satu iaitu sebanyak 31 orang (22.5%) berbanding responden yang mempunyai PHD (2.9%), sarjana (14.5%), diploma/STPM (10.1%) dan SPM (1.4%). Selain itu, responden yang memiliki laman web sosial lebih

dari satu terdiri daripada responden yang menggunakan komputer lebih daripada lima tahun (46.4%) dan mempunyai tahap pengetahuan ICT pada tahap pertengahan (31.2%).

Jadual 4.23 Analisis crosstabs antara ciri demografi dengan laman sosial yang dimiliki

Ciri Demografi		*Laman sosial yang dimiliki						Jumlah
		1	2	3	4	5	6	
Jantina	Lelaki	29	3	2	1	39	8	82
	Perempuan	16	2	1	0	32	5	56
	Jumlah	45	5	3	1	71	13	138
Kategori Jawatan	Akademik	19	3	2	0	35	5	64
	Pentadbiran	26	2	1	1	36	8	74
	Jumlah	45	5	3	1	71	13	138
Tahap Pendidikan	PHD	1	1	0	0	4	0	6
	Sarjana	10	0	1	0	20	5	36
	Ijazah	20	4	1	1	31	2	59
	Diploma/STPM	9	0	1	0	14	2	26
	SPM	4	0	0	0	2	4	10
	Sijil	1	0	0	0	0	0	1
	Jumlah	45	5	3	1	71	13	138
Tempoh Penggunaan Komputer	Kurang 1 tahun	1	0	0	0	0	1	2
	1-5 tahun	7	0	2	1	7	1	18
	Lebih 5 tahun	37	5	1	0	64	11	118
	Jumlah	45	5	3	1	71	13	138
Tahap Pengetahuan ICT	Asas	15	0	0	1	15	5	36
	Pertengahan	25	3	2	0	43	6	79
	Mahir	5	2	1	0	13	2	23
	Jumlah	45	5	3	1	71	13	138

*Laman sosial yang dimiliki - (1: facebook), (2: yahoo messenger), (3: blog), (4: skype), (5: memiliki laman sosial lebih dari satu), (6: tidak memiliki laman sosial)

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan keputusan yang telah diperolehi, yang mana dimulakan dengan ringkasan dapatan kajian, diikuti dengan perbincangan dan seterusnya mengenai implikasi terhadap kajian yang

telah dijalankan. Selain itu, bab ini juga akan mengemukakan cadangan-cadangan yang perlu dilakukan dalam kajian akan datang.

RINGKASAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana penggunaan Internet di kalangan kakitangan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Kajian ini mengenal pasti tahap kepentingan internet kepada kakitangan KIAS, kajian ini juga mengenal pasti tujuan-tujuan penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS dan mengenal pasti perbezaan di antara ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT terhadap tahap kepentingan internet di kalangan kakitangan KIAS.

Analisis tentang penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS telah dibuat dan telah diuraikan secara menyeluruh di dalam kertas kerja ini. Terdapat enam objektif kajian yang telah dibuat. Objektif kajian pertama, mengenal pasti tahap kepentingan internet di kalangan kakitangan KIAS. Terdapat tujuh soalan yang berkenaan tentang tahap kepentingan internet ini: kemudahan internet sangat penting dalam melancarkan kerja harian di pejabat, merasa tidak lengkap apabila melakukan kerja tanpa kemudahan internet, akan membuka internet untuk mengetahui isu semasa, memerlukan internet untuk melaksanakan kerja pejabat, dapat menghasilkan produktiviti kerja yang tinggi dengan menggunakan kemudahan internet dan kemudahan internet adalah kemudahan asas pada masa kini. Hasil kajian membuktikan min keseluruhan ($n=138$) bagi tahap kepentingan internet adalah 4.00 dengan nilai piawai 0.629. (Jadual 4.10)

Seterusnya, analisis tujuan penggunaan internet dilakukan ke atas kakitangan KIAS dengan mengutarakan soalan sebanyak 20 soalan dan daripada 20 soalan tersebut hanya terdapat tiga soalan sahaja yang mempunyai nilai min tertinggi dan dikategorikan sebagai tujuan positif. Antara tujuan-tujuan penggunaan internet ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa dan nilai minnya ialah ($m=4.31$). selain tu, dapat menghantar e-mail dengan nilai minnya ialah sebanyak ($m=4.29$) dan akhir sekali ialah dapat melancarkan tugas di pejabat ($m=4.28$). Sementara itu pula terdapat juga tiga tujuan negatif yang mempunyai nilai min yang terendah iaitu bermain game secara online, meluahkan perasaan di laman sosial dan menonton TV dan mendengar radio secara online (Jadual 4.11)

Ujian crosstab dijalankan di atas jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer dan tahap pengetahuan ICT. Sila rujuk pada jadual 4.14 dan jadual 4.15 bagi penerangan lanjut.

Objektif kajian yang ketiga ialah mengenal pasti perbezaan di antara ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT terhadap kepentingan internet. Beberapa hipotesis telah dibuat pada setiap ciri-ciri demografi. Sebagai contoh, hipotesis penggunaan internet dikalangan kakitangan KIAS lelaki dan perempuan tiada perbezaan yang signifikan yang boleh dibuat dan hipotesis ini ditolak. (Jadual 4.16) Seterusnya hipotesis dalam tempoh penggunaan komputer ialah terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh penggunaan komputer terhadap min tahap kepentingan internet, jadi hipotesis ini gagal ditolak. (Jadual 4.19)

Selain itu, objektif kajian yang keempat ialah mengenal pasti kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap pengetahuan ICT. Antara tempoh yang dicadangkan ialah dari satu jam hingga ke tiga jam, kurang dari satu jam, dari tiga jam hingga ke lima jam, lebih dari lima jam dan tidak menggunakan internet. Pengguna internet yang telah menggunakan internet dari satu jam hingga ke tiga jam adalah seramai 66 orang bersamaan 47.8% manakala yang menggunakan internet dari tempoh kurang satu jam seramai 39 orang. Seterusnya, pengguna yang menggunakan internet dari tiga hingga lima jam adalah seramai 20 orang dan pengguna yang telah menggunakan internet lebih dari lima jam adalah seramai 11 orang. Akhir sekali bagi yang tidak menggunakan internet sama sekali adalah seramai 2 orang sahaja. Kemudian analisis crosstab antara ciri demografi dengan kekerapan masa menggunakan internet sepanjang waktu bekerja dijalankan. Hasil analisis itu boleh dirujuk pada jadual 4.21.

Seterusnya, objektif kajian yang kelima ialah mengenal pasti bilakah masa kakitangan KIAS menggunakan internet berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap penggunaan ICT. Setelah dikira, seramai 32 orang yang menggunakan internet pada waktu pagi, 24 orang pada waktu tengah hari, 24 orang pada waktu pagi, tengah hari dan petang, 20 orang pada waktu pagi dan tengah hari dan 17 orang pada waktu pagi dan petang, dan seramai 12 orang yang menggunakan internet pada waktu petang, manakala lima orang sahaja yang

menggunakan internet pada waktu tengah hari dan petang dan akhir sekali seramai empat orang sahaja yang tidak menggunakan internet dalam waktu kerjanya. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa responden yang paling ramai menggunakan internet ialah pada waktu pagi. analisis crosstab antara ciri demografi dengan masa menggunakan internet dijalankan bagi memperincikan lagi bilangan responden yang menggunakan internet sepanjang waktu bekerja. (Rajah 4.6)

Objektif kajian yang terakhir iaitu yang ke enam ialah mengenal pasti kekerapan bentuk laman sosial yang dipilih oleh kakitangan KIAS berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, kategori jawatan, tahap pendidikan, tempoh penggunaan komputer serta tahap penggunaan ICT. Hasil daripada kajian yang dibuat bilangan responden yang memiliki laman web sosial lebih dari satu ialah seramai 71 orang iaitu 51.4%. Antara laman web sosial yang paling banyak dimiliki ialah facebook iaitu sebanyak 32.6%. Manakala laman web yahoo messenger adalah sebanyak 3.6% diikuti oleh blog (2.2%), skype (0.7%) dan bagi yang tidak memiliki laman web sosial ialah sebanyak 9.4%. Hasil daripada analisis crosstab antara ciri demografi dengan laman sosial yang dimiliki dari segi jantina ialah bilangan responden lelaki lebih ramai iaitu 39 orang (28.3%) jika dibandingkan dengan perempuan iaitu seramai 32 orang dengan peratusan 23.2%. Dari segi tahap pendidikan pula responden yang memiliki laman web sosial lebih dari satu ialah seramai 31 orang (22.5%) bagi ijazah. Manakala 2.9% bagi PHD, 14.5% bagi sarjana, diploma/STPM, 1.4% bagi SPM. Selain itu, responden yang menggunakan komputer lebih dari lima tahun ialah sebanyak 46.4% dan akhir sekali peratusan bagi yang mempunyai tahap pengetahuan ICT pada tahap pertengahan ialah 31.2%. Kajian yang telah dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah dan pelbagai analisis bagi menganalisa perkara-perkara di atas dengan tepat agar dapat mencapai objektif kajian serta dapat menjawab persoalan kajian. (Rajah 4.7)

PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat tujuan penggunaan internet di kalangan kakitangan sebuah institusi dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) diambil sebagai tempat kajian. Hasil kajian adalah seperti berikut;

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan lelaki dan perempuan dari segi kepentingan internet, kakitangan lelaki dilihat lebih cenderung menggunakan internet berbanding dengan kakitangan perempuan. (Jadual 4.2.)

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran dari segi kepentingan internet dimana kakitangan pentadbiran lebih cenderung menggunakan internet berbanding kakitangan akademik. (Jadual 4.4)

Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan terhadap kepentingan internet. Tahap pendidikan dilihat mempengaruhi penggunaan internet di kalangan kakitangan KIAS, dimana kakitangan KIAS yang mempunyai ijazah sarjana muda (59 orang) dilihat lebih cenderung menggunakan internet berbanding sarjana (36 orang), diploma (26 orang), SPM (10 orang) dan PHD (6 orang). (Jadual 4.5)

Terdapat perbezaan yang signifikan antara tempoh penggunaan komputer terhadap kepentingan internet. Kakitangan yang mempunyai pengalaman menggunakan komputer lebih dari 5 tahun (118 orang) dilihat lebih cenderung menggunakan internet berbanding kakitangan yang lain. 1-5 tahun (18 orang) dan kurang dari 1 tahun (2 orang). (Jadual 4.8)

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan ICT terhadap kepentingan internet di kalangan kakitangan KIAS. Kakitangan yang mempunyai tahap pengetahuan ICT yang tinggi dilihat tidak mempengaruhi penggunaan internet berbanding kakitangan yang kurang pengetahuan dalam bidang ICT. (Jadual 4.9)

Kekerapan masa menggunakan internet dalam waktu bekerja dilihat majoriti kakitangan menggunakan internet antara satu hingga tiga jam iaitu sebanyak 66 orang (47.8%) daripada keseluruhan responden. Sebanyak 39 orang menggunakan internet kurang dari satu jam, 20 orang menggunakan internet tiga hingga lima jam, 11 orang menggunakan internet lebih dari lima jam. Namun begitu, terdapat dua orang responden tidak menggunakan internet. Daripada 66 orang responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai menggunakan satu hingga tiga jam iaitu sebanyak 36 orang (26.1%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 30 orang (21.7%). (Rajah 4.5)

Waktu kakitangan menggunakan internet dilihat sebanyak 32 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi diikuti 24 orang responden menggunakan internet pada waktu tengah hari dan 24 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi, tengah hari dan petang. Selain itu, 20 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi dan tengah hari, 17 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi dan petang, 12 orang responden menggunakan internet pada waktu petang, 5 orang responden menggunakan internet pada waktu pagi dan petang dan ada juga terdapat 4 orang responden tidak menggunakan internet pada waktu bekerja. Hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai menggunakan internet pada waktu pagi iaitu sebanyak 19 orang (13.8%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 13 orang (9.4%). Bagi kategori jawatan, sebanyak 21 orang (15.2%) responden adalah kakitangan akademik yang menggunakan internet pada waktu pagi melebihi kakitangan pentadbiran iaitu sebanyak 11 orang (8.0%). (Rajah 4.6)

Kekerapan bentuk laman web sosial yang dimiliki oleh kakitangan KIAS menunjukkan bahawa sebanyak 51.4 peratus (71 orang) kakitangan KIAS memiliki laman web sosial lebih daripada satu laman web. Antara laman web yang paling banyak dimiliki adalah facebook iaitu sebanyak 32.6%. Selain itu, terdapat 3.6% responden memiliki laman web yahoo messenger, 2.2% memiliki blog, dan 0.7% memiliki laman web skype. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak memiliki laman web sosial iaitu sebanyak 9.4%. (Rajah 4.7)

Daripada 51.4% (71 orang) responden tersebut, hasil ujian crosstabs menunjukkan responden lelaki lebih ramai memiliki laman web sosial lebih dari satu iaitu sebanyak 39 orang (28.3%) berbanding dengan responden perempuan iaitu sebanyak 32 orang (23.2%). Bagi kategori jawatan pula, tidak banyak perbezaan antara kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran yang memiliki laman web sosial lebih dari satu iaitu masing-masing sebanyak 35 orang (25.4%) dan 36 orang (26.0%). Bagi tahap pendidikan, majoriti responden yang mempunyai ijazah memiliki laman web sosial lebih dari satu iaitu sebanyak 31 orang (22.5%) berbanding responden yang mempunyai PHD (2.9%), sarjana (14.5%), diploma/STPM (10.1%) dan SPM (1.4%). Selain itu, responden yang memiliki laman web sosial lebih dari satu terdiri daripada responden yang menggunakan komputer lebih daripada lima tahun (46.4%) dan mempunyai tahap pengetahuan ICT pada tahap pertengahan (31.2%). (Jadual 4.23-analisis crosstab)

IMPLIKASI

Implikasi kajian menunjukkan penggunaan internet dilihat menjadi satu kepentingan kepada kakitangan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra tanpa mengira latarbelakang pengguna. Hasil dari dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden menggunakan jenis laman web sosial adalah facebook. Jika diteliti tujuan penggunaan internet ini ialah untuk mencari maklumat serta metod menghubungkan individu tertentu dengan individu yang mengenalinya atau dalam erti kata lain menjadi perantara dalam perhubungan seseorang. Oleh itu, tidak salah sebenarnya jika seseorang bersosial dengan internet. Namun, masalah boleh timbul apabila seseorang itu kerap melayari laman web sosial ini. Pemasalahan paling utama ialah kurangnya komunikasi semula jadi dalam kehidupan seharian. Individu yang terlampau kerap menghabiskan masa berjam-jam lamanya didepan komputer semata-mata melayari internet, secara tidak langsung, perbuatan sedemikian akan mengurangkan komunikasi antara dua atau lebih individu, sebaliknya dipenuhi interaksi dalam maya. Kadaan ini sudah tentu akan mewujudkan suasana kekeluargaan yang tidak harmonis diantara kakitangan apabila seseorang lebih gemar terperap di dalam bilik dan mengadap komputer sambil melayari keghairahannya berinternet berbanding meluangkan masa di alam realiti.

Penggunaan internet boleh memberi implikasi yang besar dalam prestasi kerja seharian kerana ianya digunakan bukan untuk kebaikan tetapi hanya untuk berhibur semata-mata, yang mana banyak keburukan dari kebaikan, kerana masa yang sepatutnya untuk membuat kerja-kerja pejabat terbuang begitu saja. Kakitangan akan merasakan semua itu membebankan dan beralih kepada penggunaan internet untuk melegakan perasaan. Masa untuk membuat kerja akan diselangseli kepada masa membaca laman web sosial serta berinternet. Masa untuk beribadah pun turut terjejas. Pengawalan terhadap kecenderungan bersosial menerusi internet ini perlu agar implikasi negatif yang berpunca menerusinya dapat dikurangkan dan dapat mewujudkan implikasi yang positif yang boleh memberi banyak manfaat.

CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN

Bagi memperoleh keputusan yang lebih jitu dan menyeluruh, kajian yang dilakukan pada masa akan datang diperluaskan dari segi

pengutipan data dan jumlah responden yang terlibat. Metodologi kajian juga akan menggunakan metod kualitatif. Hal ini adalah sangat penting kerana ketepatan analisis yang didapati akan lebih mencerminkan realiti sebenar tujuan penggunaan internet dikalangan kakitangan KIAS. Selain daripada itu sampel kajian juga akan diperluaskan keatas organisasi-organisasi lain kerana ia akan menggambarkan kesan keatas kakitangan sesebuah jabatan secara menyeluruh. Selain itu, masa untuk menjalankan kajian ini harus dilanjutkan supaya responden yang dipilih akan menjadi lebih seimbang. Borang kajiselidik juga perlu diubahsuaikan supaya bahagian yang tidak begitu penting akan dihapuskan. Di samping itu, borang kajiselidik juga perlu menumpukan kepada bahagian-bahagian yang lebih penting supaya data yang dikutip akan lebih tepat dan jitu dan lebih menepati objektif kajian dengan lebih mendalam.